



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
PROGRAM DERMASISWA B40 TAHUN 2024**

1. PENGENALAN

Program Dermasiswa B40 mula diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di bawah Model Baharu Penajaan pada tahun 2016. Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi dan latihan kemahiran kepada pelajar dari latar belakang golongan B40 sebagai strategi untuk meningkatkan pendapatan isi rumah serta mewujudkan platform kepada *upward mobility*.

Program penajaan ini dilaksanakan untuk membantu pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2023 dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40 untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma. Khususnya dalam bidang berfokuskan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di yang dikenal pasti mempunyai prospek kebolehpasaran yang tinggi dalam industri.

2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon hendaklah memenuhi syarat umum dan khusus seperti berikut:

2.1 Syarat Umum Calon

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Pemohon disyaratkan bebas daripada penyakit kronik/ berjangkit / penyakit yang memerlukan rawatan susulan dan berupaya mengikuti pengajian sehingga tamat, serta disahkan sihat untuk meneruskan pengajian;

- (iii) Ibu dan/ atau bapa tidak disenaraikan oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- (iv) Menduduki peperiksaan **SPM 2023 buat kali pertama** di mana-mana sekolah menengah termasuk **sekolah khas, sekolah swasta** atau **calon-calon persendirian**;
- (v) Umur belum mencapai 19 tahun, atau belum mencapai 20 tahun bagi pelajar peralihan pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki; dan
- (vi) **Pendapatan per kapita dalam kategori B40 iaitu RM5,249.00 sebulan dan ke bawah.**

2.2 Syarat Khusus Calon

Bagi Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang dikenal pasti:

- (a) menduduki **SPM 2023** dan **mendapat sekurang-kurangnya Gred C** bagi mata pelajaran **Bahasa Melayu dan Sejarah** serta **mendapat sekurang-kurangnya Gred C** dalam mana-mana **tiga subjek lain** yang diambil; dan
- (b) **telah mendaftar** di IPTS tersebut.

-TAMAT-